

Headline	Terima anak luar nikah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	18	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	665 cm ²
Journalist	IZWAN ROZLIN	AdValue	RM 3,658
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,973



Terima anak luar nikah

Pelajar universiti, kolej terlanjur paling ramai serah bayi mereka

IZWAN ROZLIN

PETALING JAYA – “Jangan salah anggap, kami bukan galakkan orang buang bayi tetapi kami bersedia untuk menerima bayi-bayi malang yang mungkin tidak diperlukan oleh ibu bapa mereka atas pelbagai sebab,” tegas kaunselor Yayasan Orphan Care Fauziah Mahfudz.

Menurutnya, sejak yayasan itu dilancarkan dua tahun lalu sebanyak 71 orang bayi telah diterima, tiga darinya ditinggalkan namun ke semuanya telah diserahkan kepada keluarga angkat.

“Hampir 80 peratus daripada bayi yang diserahkan itu anak luar nikah kepada pelajar institut pengajian tinggi atau kolej dan ada juga di antaranya masih di bawah umur yang terlanjur bersama kekasih.

“Apa yang berlaku ialah mereka tidak sanggup menanggung malu malah ada yang cuba menyembunyikan perbuatan sumbang mereka dari diketahui keluarga.

“Malah ada juga pasangan yang mengambil keputusan untuk berkahwin tetapi bayi dilahirkan itu diserahkan kepada kami bagi membolehkan mereka membina hidup baru kembali,” katanya dalam satu pertemuan eksklusif bersama Sinar Harian, semalam.

Menurut Fauziah lagi, Yayasan Orphan Care yang turut bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tidak mengenakan sebarang syarat ketat dan memadai ibu kandung bayi itu bersama-sama ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mendaftar anak mereka bagi memudahkan urusan penyerahan kepada keluarga angkat kelak.

“Lazimnya bila kami menerima bayi yang ditinggalkan, laporan polis akan dibuat terlebih dahulu dan bayi itu akan dibawa ke hospital untuk pemeriksaan sebelum diserahkan kepada JKM untuk didaftar.

“Setelah segala urusan pendaftaran dan penyediaan dokumen selesai, barulah kami serahkan bayi itu mengikut keturunan serta agama keluarga

angkat,” katanya.

Beliau berkata, jika pemeriksaan bayi itu mempunyai masalah kesihatan terutama jangkitan HIV, mereka akan diserahkan kepada badan atau rumah kebajikan khas untuk kes tersebut.

Fauziah berkata, bagi mengelakkan golongan terlanjur ini mengambil jalan singkat membuang bayi luar nikah mereka, Yayasan itu menyediakan satu ruang khas untuk bayi ditinggalkan dan dengan cara ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kes pembuangan bayi yang menyayat hati.

“Bilik khas untuk bayi yang ingin ditinggalkan di Yayasan Orphan Care ini dilengkapi dengan alat penghawa dingin, lampu dan dan penggera.

“Sebaik sahaja bayi ditinggalkan dalam ruang khas itu, pintunya akan terus terkunci secara automatik dan seterusnya penggera berbunyi.

“Petugas kami akan turun mengambil bayi dan lazimnya ibu malang berkenaan tidak meninggalkan sebarang butiran mengenai bayi mereka,” katanya.

Menurutnya kebanyakan bayi yang dihantar ke sini adalah kerana ibu bapa kandung mempunyai masalah kemiskinan, penceraian ataupun merasa terancam.

488 keluarga tunggu giliran

“Kami bukan pusat jagaan bayi. Apa yang kami boleh buat ialah setiap bayi yang diterima akan diserahkan terus kepada keluarga angkat mereka atau dijaga sementara di hospital.

“Setakat ini sebanyak 488 pasangan telah disenarai pendek layak untuk menerima bayi melalui temu duga keluarga angkat yang telah dijalankan,” katanya.

Menurut Fauziah, pada setiap hari Sabtu sekurang-kurang 12 pasangan yang akan ditemu duga dan setakat ini 2445 pasangan masih di dalam senarai menunggu untuk ditemu duga.

“Kriteria utama keluarga ang-

kat untuk bayi ialah mereka mesti sekurang-kurang sudah lima tahun atau lebih berkahwin dan tidak mempunyai cahaya mata.

“Lazimnya keluarga angkat perlu menanggung kos perubatan, hospital dan kos penjagaan bayi ini sewaktu baru dilahirkan,” katanya.

Tambahnya jika ibu kandung bayi mahu bertemu dengan anaknya kelak kita benarkan cuma pertemuan mestilah dibuat dalam Orphan Care bagi mengelak sebarang masalah timbul.

“Jika ibu kandung mahu mengambil kembali anak mereka, dia kena bawa perkara itu ke perundangan kerana sebelum ini mereka telah bersetuju untuk menyerahkan bayi, sebab itu pada awal kita beri masa kepada ibu kandung berfikir semasaknya sama ada mahu meneruskan niat untuk menyerahkan bayi mereka ataupun tidak,” katanya.

Perlukan sumbangan

Menurut Fuziah lagi, Yayasan Orphan Care memperuntukkan kira-kira RM 20,000 sebulan untuk menjalankan operasinya.

“Kita ada lima kakitangan bergaji tetap untuk menguruskan yayasan ini yang kini turut menerima tajaan dari CIMB Bank Berhad yang membantu menyelesaikan bayaran sewa rumah,” katanya.

Jelasnya, yayasan mengalakkan keluarga angkat bayi memberikan sumbangan ikhlas kepada ibu kandung bayi begitu juga dengan sumbangan untuk yayasan ini yang masih memerlukan bantuan mereka yang dermawan bagi meneruskan kerja kebajikannya.

Mereka yang ingin menyumbang kepada Yayasan Orphan Care boleh berbuat demikian dengan datang sendiri ke alamat No 6 Lorong SS 1/24A, Kampung Tunku 47300 Petaling Jaya atau menerusi akaun CIMB 1269-0000280-10-9. Yayasan juga boleh dihubungi menerusi talian 03-78761900 atau maklumat la-

Headline	Terima anak luar nikah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	18	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	665 cm ²
Journalist	IZWAN ROZLIN	AdValue	RM 3,658
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,973

yari www.orphancare.org.my.



Fauziah memberi penerangan mengenai yayasan itu kepada dua pelawat.



Bayi yang dijaga sementara dijamin keselesaannya.



Fauziah menunjukkan ruang khas untuk bayi ditinggalkan.